

PEMULIHARAAN WARISAN BUDAYA MELALUI PERUNDANGAN WARISAN DAN AGENSI PELAKSANA DI MALAYSIA

MOHD YUSZAIDY MOHD YUSOFF

Universiti Kebangsaan Malaysia

yuszaidy@ukm.edu.my

ABSTRAK

Kajian ini membincangkan tentang aspek pemuliharaan warisan budaya di Malaysia menerusi perundangan warisan. Warisan budaya yang pelbagai dimiliki dan diwarisi setiap etnik dan peribumi di Malaysia. Perundangan warisan melalui Akta Warisan Kebangsaan 2005 (Akta 645) digunakan untuk memberikan perlindungan dalam usaha mengekalkan warisan budaya negara. Akta Warisan Kebangsaan 2005 telah menjadi tunjung utama kepada perundangan yang berkaitan dengan warisan yang sedia ada seperti Akta Benda Purba 1976 (Akta 168), Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 1972) dan Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172). Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti perundangan dan agensi pelaksanaan warisan dapat memberi perlindungan yang sewajarnya terhadap warisan budaya di Malaysia. Perlindungan ini amat penting agar warisan budaya dapat dikekalkan untuk tatapan generasi seterusnya dan menjadi jati diri mereka. Dari segi metodologi, kajian ini bersifat kualitatif dengan menggunakan pendekatan etnografi. Teknik pemerhatian dan temu bual digunakan untuk memperoleh data kajian. Bagi teknik temu bual, maklumat diperoleh daripada individu-individu yang terbabit dalam pelaksanaan dan penguatkuasaan undang-undang itu. Data-data yang telah dikumpulkan disaring dan dianalisis menggunakan teknik analisis kandungan. Hasil kajian ini mendapati perundangan warisan yang tegas mampu memberi perlindungan yang sewajarnya terhadap warisan budaya di Malaysia. Perlindungan tersebut dapat memberikan kestabilan sosial, ekonomi dan politik. Justeru itu, kajian ini dapat memberi impak kepada masyarakat mengenai kepentingan warisan budaya yang perlu diberi perlindungan dan diwarisi generasi seterusnya sebagai kekuatan jati diri masyarakat.

Kata kunci: Akta Warisan Kebangsaan 2005; jati diri; pemuliharaan; perundangan warisan; warisan budaya

CONSERVATION OF CULTURAL HERITAGE THROUGH HERITAGE LEGISLATION AND ENFORCEMENT IN MALAYSIA

ABSTRACT

This study discusses the conservation of cultural heritage in Malaysia through heritage legislation. Various cultural heritages are owned and inherited by every ethnic and indigenous people in Malaysia. Heritage legislation through the National Heritage Act 2005 (Act 645) serves to provide protection to the cultural heritage of the country. National Heritage Act 2005 has been the underlying act to other existing legislation related to heritage such as the Antiquities Act 1976 (Act 168), the Local Government Act 1976 (Act 1972) and the Town and Country Planning Act 1976 (Act 172). The objective of this study is to identify

the extent of the legal enforcement heritage in providing appropriate protection to the cultural heritage in Malaysia. This protection is important to preserved the cultural heritage for the future generation which would be part of their identity. In terms of methodology, this is a qualitative study with ethnographic approach. Observation and interview techniques were applied to obtain data. The interview technique, on the other hand was also applied to gather information from individuals involved in the implementation and enforcement of the law. These data were further analysed through content analysis method. The findings show that firm heritage legislation gives adequate protection to the cultural heritage in Malaysia. Such protection can provide social, economic and political stability. Therefore, this study has an impact on society in regard to the importance of cultural heritage that will be inherited by the next generation as their identity.

Keywords: National Heritage Act 2005; identity; conservation; heritage legislation; cultural heritage

PENGENALAN

Kejadian alam dan tindakan manusia terhadap warisan budaya boleh merugikan dan ancaman kepada negara. Negara perlu memberi perhatian yang khusus dan sewajarnya terhadap warisan budaya. Warisan budaya pada dunia kini merupakan sesuatu yang amat bernilai dan memaparkan jati diri bangsa negara. Pertumbuhan jati diri bangsa amat berkait dengan warisan budaya seperti kebudayaan, kesenian yang dihasilkan oleh masyarakatnya sendiri (Mohamed Anwar Omar Din, 2008). Masyarakat yang berbilang kaum telah membentuk kepelbagaiannya kebudayaan, kesenian dan kepercayaan di kumpul dalam satu acuan telah menghasilkan bentuk kehidupan yang harmonis dan stabil. Masing-masing antara mereka menghormati dan bertolak ansur terhadap warisan yang mereka miliki.

Pihak kerajaan perlu melakukan tindakan yang sebaik boleh untuk memberi perlindungan terhadap warisan budaya yang bernilai. Warisan budaya yang dihasilkan oleh manusia atau masyarakat boleh mengalami masalah kehilangan, kepupusan dan kerosakan. Namun, pihak kerajaan perlu memberi tumpuan terhadap bencana alam dan binatang boleh menjelaskan dan merosak warisan budaya. Warisan budaya perlu diberikan dari segi pemuliharaan melalui perundangan yang berkait warisan. Pemuliharaan melalui perundangan dapat memberikan perlindungan yang sewajarnya berdasarkan peruntukan yang termaktub di dalamnya. Oleh itu, keperluan terhadap perundangan warisan bagi memberi pemuliharaan warisan budaya amat penting kerana memberi perlindungan komprehensif dan lengkap.

OBJEKTIF

Kajian ini untuk mengenal pasti mengenai penggunaan perundangan dan agensi pelaksana warisan untuk memberi pemuliharaan yang sewajarnya terhadap warisan budaya yang bernilai.

KONSEP WARISAN BUDAYA

Warisan budaya ketara boleh dibahagikan kepada dua iaitu berbentuk statik dan mudah alih. Warisan budaya ketara iaitu sesuatu yang tetap dan tidak bergerak. Manusia melakukan kerja-kerja yang berkaitan dengan ekonomi dan aktiviti-aktiviti sosial semasa usaha untuk

memenuhi keperluan kehidupan. Ini menghasilkan bangunan, monumen, mercu tanda dan artifak seperti patung, busana, batu nesan dan manik yang di lihat dari sudut seni bina dan hiasan ukiran motif dan corak pada dinding dan tiang bangunan (Mohd Yuszaidy Mohd Yusoff, 2015).

Warisan budaya tidak ketara pula merujuk kepada kegiatan budaya yang wujud melalui hasil cipta dan idea berdasarkan pengamatan terhadap alam untuk mengisi ruang kehidupan sehari-hari mereka. Warisan tidak ketara sering berkaitan dengan ilmu pengetahuan dan kepakaran yang dimiliki oleh manusia yang diterima melalui proses pengalaman yang diwarisi secara dipelajari atau mimpi. Warisan budaya tidak ketara boleh diturunkan secara turun temurun dan diwarisi secara dari generasi ke satu generasi (Mohd Yuszaidy Mohd Yusoff, 2015). Warisan budaya tidak ketara boleh dibahagikan mengikut aktiviti yang dilakukan oleh manusia seperti tradisi lisan, seni persembahan, muzik, lakonan, nyanyian dan lukisan.

Perbincangan itu memperlihatkan warisan budaya ketara lebih merujuk kepada warisan yang berkedudukan tetap dan boleh bergerak ke satu tempat bergantung kepada bentuk saiznya. Selain itu, warisan budaya sesuatu yang kekal di lihat dan dipengang untuk merasainya. Warisan budaya tidak ketara pula dihasilkan melalui aktiviti budaya dan pemikiran serta falsafah terdapat dalam diri masyarakat terdahulu. Warisan budaya tidak ketara juga mewujudkan ketamadunan manusia yang berdasarkan ilmu pengetahuan dan pengalamam hidup untuk membentuk warisan turun temurun yang menjadi simbol diri dan ikon kepada generasi seterusnya.

METODOLOGI KAJIAN

Pengutipan dan pengumpulan data untuk kajian ini menggunakan pendekatan etnografi. Pada peringkat awal kajian, data-data mula dikutip dan dikumpul melalui kajian di perpustakaan untuk memperolehi maklumat awal mengenai kajian dilakukan. Kajian dilakukan dalam tempoh masa dua minggu di Perpustakaan Tun Sri Lanang, Perpustakaan Alam dan Tamadun Melayu dan Perpustakaan Utama Universiti Malaya serta Pusat Sumber Jabatan Warisan Negara. Diperingkat ini, bahan Akta Warisan Kebangsaan 2005 (Akta 645) yang digubal pada tahun 2005 digunakan dan merupakan sumber rujukan utama dalam kajian ini.

Peringkat seterusnya, penyelidikan di kajian lapangan dilakukan di Jabatan Warisan Negara dengan menggunakan dua kaedah iaitu pemerhatian terhadap penguatkuasaan dilaksana dan beberapa siri temu bual berfokus dan berkumpulan dijalankan untuk memperolehi data-data yang diperlukan. Kerja lapangan ini juga dilakukan dalam tempoh dua minggu untuk memperolehi data-data yang berkaitan dengan kajian. Data-data yang diperolehi melalui kajian di perpustakaan dan kajian lapangan dikumpulkan dan disaringkan dengan menggunakan teknik analisis kandungan, bacaan rapi dan interpretasi untuk memperolehi data-data yang bebar-benar sesuai untuk kajian ini. Hasil dapatkan kajian akan dibincangkan secara perbincangan tersurat dan tersirat untuk menjelaskan implikasi kajian ini kepada masyarakat dan kossa ilmu.

Kajian ini juga menggunakan beberapa alat sokongan dalam usaha menjayakan kajian terutama di kajian lapangan seperti alat rakaman suara jenis jenama Sony, buku log dan alat tulis.

PERBINCANGAN DAN HASIL DAPATAN

Warisan Budaya Ketara

Warisan terutamanya warisan budaya ketara di Malaysia tidak begitu menonjol pada peringkat awal kerana sebelum ini tiada ada usaha untuk memberi perhatian dan khususnya pemuliharaan terhadapnya. Bangunan-bangunan bersejarah, tapak bersejarah dibiarkan terbiar begitu sahaja tanpa ada pihak cuba memulihara (Howard, P. 2003). Beberapa bangunan bersejarah yang diperolehi daripada hasil dapatan melalui kajian dilakukan antara iaitu Kota A Fomosa, Bangunan Merah, Bangunan kedai di Jonker Street (Ang Kean Hua, 2016) & (Badaruddin Mohamed, 2005), Dewan Bandar raya Pualau Pinang, Maktab Melayu Kuala Kangsar, Universiti Penguruan Sultan Ideris (Maktab Pengurusan Sultan Idris), Masjid Jamek Kuala Lumpur, Stesen Keretapi Kuala Lumpur dan Bangunan Sultan Abdul Samad. Kesemua bangunan bersejarah ini dibangunkan oleh pihak kolonial yang bermula daripada pihak Portugis, Belanda dan akhirnya Inggeris (British). Bangunan-bangunan bersejarah ini masih ada dan kekal menjadi tempat tumpuan orang ramai kerana seni bina dan ukiran yang terpapar pada permukaan dinding dan hiasan pada tiang-tiang bangunannya.

Selain daripada bangunan-bangunan bersejarah terdapat artifak warisan ketara yang bernilai tinggi seperti songket. Kain songket tenunan kain yang bermutu dan berkualiti (Azah Aziz, 2009). Kemahiran menggunakan benang emas dan benang sutera yang ditenun telah dipelajari sejak peringkat kanak-kanak. Kemahiran yang diperturunkan melalui proses sosialisasi daripada peringkat kanak-kanak ini telah menghasilkan corak dan motif yang indah dan cantik (Mohd. Taib Osman, 1989). Kemahiran tenunan songket telah membentuk kelompok keluarga sahaja yang menguasai kemahiran dan kepakaran menghasilkan motif-motif yang diilhamkan oleh generasi terdahulu, (Azah Aziz, 2009; Haziyah Hussein, 2011 & Siti Zainon Ismail, 2009).

Ukiran kayu yang bermula keperluan diri telah berubah menjadi identiti diri bangsa Melayu. Kemahiran melakukan teknik ukiran tebuk dan ukiran timbul bagi menghasilkan reka bentuk yang cantik dan indah mengambarkan kehebatan orang Melayu. Teknik ini sering digunakan untuk menghasilkan corak ukiran pada dinding, pemidang, kerusi dan meja. Pengukir Melayu sering menggunakan corak awan larat sebagai ragam hias kerana begitu terpesona awan sentiasa berubah corak mengikut tiupan angin. Begitu juga, Orang Asli Mah Meri di Pulau Carey, Selangor turut terkenal dengan kerja-kerja ukiran kayu topeng dan patung yang diilhamkan melalui mimpi mengenai nenek moyang mereka (Hood Salleh, 2006). Pelbagai bentuk ukiran patung dan topeng dihasilkan untuk digunakan dalam upacara ritual memuja semangat moyang atau untuk dipersembahkan kepada moyang supaya dapat menghalau semangat jahat.

Warisan Budaya Tidak Ketara

Warisan budaya tidak ketara yang diperolehi daripada hasil dapatan kajian lebih banyak berkaitan dengan adat resam dan patang larang dalam pelbagai etnik di Malaysia. Di antara warisan budaya yang terhasil daripada budaya dan kepercayaan walaupun berbeza antara mereka seperti puja buka kampung, puja semangat padi, puja pantai, ritual semasa kelahiran, perkahwinan dan kematian, ritual pengubatan dan tolak bala. Di kalangan masyarakat Melayu

menganuti ajaran Islam masih terdapat mereka yang mengamalkan kepercayaan warisan seperti puja semangat padi (Mohd Taib Osman, 1988; William R, Roff. 1974 & Hanapi Dollah dan Lokman Mohd Zen, 1995). Mereka yang bekerja di sawah padi masih mengguna pakai beberapa amalan atau petua yang diwarisi supaya memperoleh hasil tuaian padi yang banyak. Begitu juga, etnik peribumi Sarawak dan Sabah mempunyai pelbagai amalan yang berkaitan dengan semangat padi. Mereka amat percaya, semangat padi dapat memberi kesuburan dan menjamin keselamatan daripada kemusnahan dan kerosakan padi.

Kehidupan harian masyarakat Melayu juga masih mengamalkan amalan dan patang larang iaitu adat melenggang perut hanya dilaksanakan kepada wanita hamil pertama kali yang bertujuan menentukan kedudukan, jantina dan menghindar bayi daripada segala perbuatan berkaitan dengan gangguan (Zainal Abidin Borhan, Zainal Kling, Norazit Selat & Mohd Ramli Raman, 1996). Masyarakat Melayu masih mengamalkan ritual memotong rambut bayi atau lebih dikenali sebagai mencukur jambul sebelum diberikan nama sebenar bayi atau selepas tujuh hari kelahiran bayi di dalam keluarga itu. Begitu juga, masyarakat India, wanita hamil perlu menjalani upacara ritual melenggang perut pada hamil tujuh bulan untuk menghindari ibu dan anak daripada semangat jahat yang disebut *valaikappu* dan *cimanthan* (Hood Salleh, 2006). Masyarakat India turut melakukan upacara ritual cukur rambut bayi (Hood Salleh, 2006). Ritual dijalankan selepas bayi berumur sebulan dengan tumbuh rambut pertama untuk dipersembahkan kepada Dewa Ganesha dan sembilan bulan (*navagragam*).

Warisan budaya tidak ketara juga berkaitan dengan perayaan disambut mengikut kepercayaan yang diamalkan oleh pelbagai etnik peribumi dan golongan imigran di Malaysia. Perayaan besar atau kecil bergantung kepada kepentingan peristiwa atau kejadian yang berlaku dalam masyarakat. Masyarakat Melayu menyambut kedua-dua perayaan bulan Islam iaitu Hari Raya Puasa (Aidilfitri) dan Hari Raya Haji (Aidiladha) sebagai tanda kebesaran kepada Allah S.W.T dengan mengadakan majlis secara sederhana serta nikmat yang diberikan (Mohamad Anwar Omar Din, 2008; Hood Salleh, 2006 & Mohd Taib Osman, 1989). Imigran Cina turut mengadakan perayaan mengikut kepercayaan mereka seperti perayaan Tahun Baharu Cina, Membersihkan Kubur, Hari Wesak, Perayaan Hantu Lapar dan Perayaan Kuih Bulan (Abu Talib Ahmad, 2012). Masyarakat Cina masih mengamalkan perayaan mengikut adat dan kepercayaan warisan diperturunkan sehingga kini dan dinikmati generasi mudanya. Imigran India sehingga kini masih merayakan perayaan seperti Deepavali dan Thaipusam di samping perayaan-perayaan yang bersifat kecil disambut di kuil-kuil dan rumah.

Perundangan Sedia Ada

Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171)

Pihak berkuasa kerajaan tempatan telah melihat pada peruntukan yang diperuntukan dapat memberi perlindungan dan pemuliharaan terhadap warisan. Begitu juga penting bagi pihak berkuasa tempatan untuk memastikan khazanah bersejarah dalam kawasan jagaannya berada berkeadaan baik daripada diceroboh untuk pembangunan atau meruntuhkan bangunan bersejarah. Pihak berkuasa tempatan menggunakan undang-undang dan akta di bawahnya dalam usaha memberi perlindungan yang sewajar mengikut peruntukan yang diberikan ke atasnya. Perlindungan dan pemuliharaan yang terkandung dalam Akta 172 itu adalah termasuklah daripada segi pindaan undang-undang dibolehkan mengikut peruntukan pada

Seksyen 102 yang membenarkan melakukan pindaan terhadap undang-undang kecil untuk perlindungan dan pemuliharaan kepada warisan yang berada dalam kawasan jagaan pihak berkuasa tempatan terjamin perlindungan.

Selain itu, peruntukan Seksyen 102 (f), penubuhan kemudahan awam boleh menubuhkan kemudahan awam mengikut peruntukan yang disediakan. Seksyen 102 (f) boleh membatalkan undang-undang kecil yang menghalang pembinaan kemudahan awam seperti penubuhan muzium dan galeri. Begitu juga, peruntukan Seksyen 101 (f) pula telah menyatakan bahawa pihak berkuasa tempatan boleh dibenarkan memberi atau menerima geran untuk pemuliharaan monumen dan tugu awam. Pihak berkuasa kerajaan tempatan membenarkan komuniti mendirikan dan membina bangunan untuk kegunaan awam dan tanpa mengambil keuntungan seperti dinyatakan pada Seksyen 101 (g) yang membolehkan menubuhkan, memperoleh, membina, dan berkaitan dengan penyenggaraan bagi kegunaan kemudahan awam dikecualikan daripada cukai taksiran seperti muzium dan galeri (Yuszaidy Mohd Yusoff, Hanapi Dollah dan Ab. Samad Kechot, 2013).

Pihak berkuasa kerajaan tempatan boleh menjalankan aktiviti tanpa sebarang halangan seperti diperuntukkan pada kuasa tambahan pada Seksyen 101(1) (c) (iv). Selain itu, pihak berkuasa kerajaan tempatan melalui peruntukan Seksyen 102 dapat menghalang berlaku sebarang pencerobohan atau memasuki kawasan atau bangunan tanpa kebenaran. Pihak berkuasa tempatan boleh menggubal satu undang-undang kecil untuk menghalang kegiatan pencerobohan. Namun begitu, kebanyakan peruntukan lebih tertumpu pada warisan budaya ketara tanpa membabitkan peruntukan seksyen kepada warisan budaya tidak ketara. Hal ini merupakan kelemahan pada perundangan awal yang berkaitan dengan warisan tanpa membabitkan perlindungan dan pemuliharaan warisan budaya tidak ketara.

Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172)

Perkara 76 (4) Perlembagaan Persekutuan telah menekan keperluan menggubal satu akta yang berkaitan dengan perancangan terhadap pembangunan bandar dan desa. Pembangunan fizikal sama ada bandar atau desa yang tidak terancang boleh menjadi ancaman kepada warisan negara. Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172) telah digubal pada tahun 1976, diterima pakai dan hanya berkuat kuasa di negeri-negeri Semenanjung Malaysia kecuali Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur mempunyai undang-undang dan akta tersendiri. Terdiri daripada 9 bahagian dengan 59 Seksyen telah mengalami pindaan sebanyak tiga kali. Pada pindaan ketiga (2001) memasukkan peruntukan tambahan berkaitan dalam sektor hartanah dan wujudnya peranan kerajaan.

Akta ini lebih memberi tumpuan kepada aktiviti pembetungan adalah untuk memberi perlindungan kepada objek-objek yang tertanam dalam tanah semasa aktiviti pemasangan pembetungan dilakukan untuk mengelakkan berlaku kemusnahan dan kerosakan teruk kawasan persekitaran semasa aktiviti pembetungan dijalankan. Selain itu peruntukan menjaga alam sekitar iaitu untuk menghalang berlaku kerosakan teruk kepada alam semula jadi. Pokok-pokok ditebang dengan rakus tanpa menyediakan tanaman semula perlu mematuhi perintah pemeliharaan pokok dengan menggantikan pokok-pokok yang telah ditebang. Pihak berkuasa tempatan juga diberi kuasa di bawah akta untuk melindungi monumen, tanah dan bangunan yang mempunyai kepentingan sejarah atau seni bina. Dalam usaha perlindungan itu, pihak berkuasa tempatan mempunyai hak untuk melakukan kerja-kerja pemuliharaan daripada segi membaiki kerosakan, mengecat semula dan menjaga daripada pencerobohan

pembangunan. Akta ini secara langsung tidak memberi tumpuan kepada warisan tidak ketara (Yuszaidy Mohd Yusoff, Hanapi Dollah dan Ab. Samad Kechot, 2013).

Pihak berkuasa tempatan juga mengarah mana-mana pemaju menyediakan Laporan Cadangan Pemajuan (LCP) seperti yang diperlukan pada peruntukan Seksyen 21 A (d) (iii) ada memperuntukkan kepada sesiapa yang ingin mendapat kebenaran merancang perlu menyediakan Laporan Cadangan Pemajuan. Laporan Cadangan Pemajuan harus mengandungi butiran yang menyatakan bangunan yang mengalami kesan daripada pembangunan nanti (Siti Norlizaiha Harun, 2010; Abdul Aziz Hussin, 2011). Bagi memperoleh kebenaran merancang, beberapa keperluan serta prosedur perlu diikuti dan patuhi. Pihak berkuasa perancang tempatan perlu teliti terlebih dahulu butiran-butiran yang disertakan untuk memohon kebenaran merancang. Bagi bangunan bersejarah perlu mengekalkan muka hadapan bangunan serta ciri-ciri luaran bangunan warisan. Peruntukan Seksyen 22 5 (i) (j) (k) adalah mengenai memelihara bangunan yang mempunyai nilai sejarah ketika pemberian kebenaran merancang (Abdul Aziz Hussain 2011: 25).

Kesalahan atau hukuman denda yang dikenakan atas kesalahan yang dilakukan daripada pemaju ialah tidak memohon kebenaran merancang terlebih dahulu sebelum memulakan sebarang kerja operasi pembangunan seperti termaktub pada Seksyen 19. Pihak pemaju perlu memohon dan memperoleh kebenaran bertulis daripada Yang Dipertuan Majlis. Pihak pemaju tidak dapat memulakan, mengusahakan atau menjalankan apa-apa pemajuan kecuali pihak berkuasa tempatan yang berhak memasuki dan mengusahakan kawasan itu. Oleh itu, tanpa surat memohon kebenaran bertulis daripada pihak berkusa tempatan boleh menghalangkan memasuki premis kawasan objek warisan, warisan kebangsaan dan tapak warisan.

Akta Bendapurba 1976 (Akta 168)

Pada tahun 1976, pihak kerajaan telah menggubal satu undang-undang berkaitan warisan iaitu Akta Bendapurba 1976 (Akta 168) hanya dipakai di Semenanjung Malaysia dan bermakna termansuh Akta 542 (Akta Harta Karun 1957) kecuali setakat mana ia dipakai bagi harta karun. Akta 168 bertujuan mengawal, memelihara dan menyelidik monumen lama dan bersejarah, tapak tanah dan bekas kaji purba, benda purba dan benda bersejarah dan pengekspornanya dan bagi perkara-perkara yang berkenaan dengannya.

Peruntukan Seksyen 16 juga melarang menceroboh kawasan-kawasan monumen, benda bersejarah dan tapak-tapak tanah bersejarah. Larangan ini bertujuan mengelakkan berlaku pencerobohan dan melindungi dari orang perseorangan atau kumpulan tanpa kebenaran. Situasi ini boleh merosakkan dan memusnahkan monumen, benda bersejarah dan tapak bersejarah sekiranya tidak ada penguatkuasaan ke atasnya. Begitu juga, peruntukan Seksyen 17 (a) (b) (c) pula menjelaskan mengenai menjaga monumen lama dan tapak tanah bersejarah seperti menerangkan kedudukan monumen lama dan tapak tanah bersejarah telah diberi perlindungan daripada pencerobohan akibat pembangunan fizikal ataupun aktiviti pertanian. Peruntukan seksyen ini menghalang sebarang kerja-kerja yang membolehkan melakukan kerosakan atau kemusnahaan terhadap monumen lama dan tapak tanah bersejarah. Ketua Pengarah mempunyai hak mengurus bagi menjaga monumen lama dan tapak tanah bersejarah selepas melakukan perbincangan dengan Kerajaan Negeri.

Seksyen 16 memberi perhatian kepada kesalahan-kesalahan yang dilakukan oleh individu atau berkumpulan. Kesalahan yang sering dilakukan seperti menjumpai harta warisan tidak melaporkan pada pihak berkuasa, melanggar peruntukan Seksyen 16 yang

dinyatakan, menjual dan mengeksport tanpa permit, mengganggu tugas pihak berkuasa, merosakkan dan tidak bekerjasama. Hukuman yang sering dikenakan ialah penjara di antara tiga bulan hingga setahun dan denda ialah tidak melebihi 500 hingga 5000 Malaysia ringgit atau kedua-duanya mengikut jenis kesalahan yang dilakukan. Secara keseluruhan, Akta Bendapurba 1976 (Akta 168) hanya memberi perlindungan kepada warisan ketara berbanding warisan tidak ketara. Warisan ketara banyak diberikan banyak peruntukan perlindungan berbanding perlindungan terhadap warisan tidak ketara yang semakin kepupusan, kemusnahan, kerosakan, dan kecurian dari segi paten dan hak milik.

Akta Warisan Kebangsaan 2005 (Akta 645)

Akta Warisan Kebangsaan 2005 (Akta 645) ialah sesuatu Akta yang memberi peruntukan bagi pemeliharaan dan pemuliharaan terhadap warisan kebangsaan, warisan budaya ketara, warisan budaya tidak ketara dan warisan semula jadi. Hal ini juga memberikan dasar, kaedah dan peraturan berkaitan perlindungan dan pengurusan warisan serta mewujudkan Daftar Warisan Kebangsaan. Begitu juga jelas menyatakan tanggungjawab dan peranannya dalam bidang pemuliharaan dan pemeliharaan warisan. Selain itu, Akta Warisan Kebangsaan 2005 (Akta 645) merupakan undang-undang yang boleh menjana penyelidikan dan promosi pelbagai aspek berkaitan khazanah warisan (Abdul Aziz Hussain, 2011). Seksyen 23 (1) Pesuruhjaya hendaklah mewujudkan dan menyenggarakan suatu daftar yang dikenali sebagai Daftar Warisan Kebangsaan sebagaimana yang ditetapkan yang mengandungi senarai butiran warisan yang didaftarkan di bawah Akta ini (Yuszaidy Mohd Yusoff, Hanapi Dollah dan Ab. Samad Kechot, 2013).

Kelebihan Akta Warisan Kebangsaan 2005 (Akta 645) adalah diperuntukkan satu seksyen yang berkaitan dengan kawasan pemuliharaan bagi melindungi tapak warisan daripada tindakan pencerobohan dan dimasuki secara haram. Seksyen 45 (1) (2) telah memperuntukkan dengan jelasnya mengenai kedudukan tapak kawasan yang sepatutnya. Kawasan warisan hendak dipulihara dan pelihara perlu mengikut pelan pengurusan pemuliharaan dengan mengadakan zon penampang di sekeliling suatu pusat utama atau di sekeliling tapak yang telah ditetapkan sebagai tapak warisan. Kawasan pemuliharaan telah diperuntukkan kepada pihak berkuasa tempatan untuk menentukan tapak warisan di bawah pentadbirannya. Peruntukan Seksyen 59 menyatakan mengenai pemuliharaan objek warisan. Objek warisan hendak dijaga dalam keadaan baik dan selamat. Objek warisan adalah amat bernilai dan perlu diberikan perhatian mengenai penjagaannya terutama perlu disimpan pada tempat yang khas untuk mengelakkan berlaku kehilangan, kerosakan atau kecurian. Pemiliknya perlu membuat laporan kehilangan atau kerosakan serta-merta kepada Pesuruhjaya mengenainya. Mana-mana orang yang tidak mematuhi subseksyen (1) dan (2) melakukan suatu kesalahan.

Begitu juga, Akta Warisan Kebangsaan 2005 (Akta 645) mempunyai peruntukan Seksyen 67 memberi kuasa kepada Mentari untuk mengisytiharkan mana-mana warisan budaya sebagai suatu Warisan Kebangsaan. Peruntukan Seksyen 67 (1) menerangkan kuasa Menteri dibolehkan untuk mengisytiharkan warisan budaya yang difikirkan sesuai dan bernilai yang dapat memberi sumbangan kepada negara melalui warta kerajaan dan disenaraikan pada Daftar Warisan. Menteri boleh membuat pertimbangan sebelum mengisytiharkan Warisan Kebangsaan, beberapa kepentingan yang perlu dilihat dan diambil perkiraan.

Selain itu, peruntukan pada Seksyen 67 (5) menyatakan mengenai warisan tidak ketara memerlukan memperoleh persetujuan dengan hak cipta terpelihara sebelum diisytiharkan sebagai Warisan Kebangsaan. Dalam peruntukan itu jelas menerangkan keperluan tanda setuju atau izin untuk didaftar seperti berikut, Jika pengisytiharan di bawah subseksyen (1) melibatkan suatu warisan kebudayaan tidak ketara dan hak cipta masih wujud dalam apa-apa kerja, keizinan pemunya hak cipta itu hendaklah diperoleh sebelum apa-apa pengisytiharan dibuat.

Begitu juga kepada peruntukan Seksyen 86 menyatakan kesalahan penggalian objek warisan di tapak warisan tanpa lesen atau permit melalui pencerobohan. Kesalahan penggalian objek warisan tanpa lesen dan permit boleh dikenakan denda tidak melebihi 50 ribu ringgit atau penjara tidak melebihi 5 tahun atau kedua-duanya. Begitu juga peruntukan pada Seksyen 112 (1) (2) mengenai tapak warisan, kesalahan yang dilakukan tidak mendapat kebenaran secara bertulis daripada Pesuruhjaya.

Namun begitu seseorang individu atau kumpulan yang melakukan kesalahan kerana melanggar peruntukan Seksyen 112 (1) dibolehkan denda dan penjara atau menjalani kedua-duanya. Peruntukan subseksyen 2 menyebut mana-mana orang yang, tanpa kuasa yang sah, melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh apabila disabitkan dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi 5 tahun atau didenda tidak melebihi 50 ribu ringgit atau kedua-duanya. Begitu juga, peruntukan seterusnya mengenai kesalahan berhubungan dengan objek warisan yang dinyatakan pada Seksyen 113 iaitu menjatuhkan hukuman kepada sesiapa yang melanggar akta itu secara sengaja atau tidak terhadap objek warisan. Denda yang dikenakan tidak melebihi 50 ribu ringgit dan penjara selama tempoh yang tidak melebihi lima tahun atau menjalani kedua-dua bergantung kepada keputusan mahkamah.

Peruntukan Seksyen 114 (1) pula mengenai kesalahan yang dilakukan ke atas Warisan Kebangsaan. Warisan Kebangsaan merupakan khazanah warisan negara yang bernilai tinggi telah dipilih dan diangkat sebagai warisan negara didaftarkan secara rasmi dalam senarai Warisan Kebangsaan. Warisan Kebangsaan telah dilindungi undang-undang daripada menceroboh, menggali tanpa lesen, mengeluarkan, dan menjual ke luar negara. Begitu juga kesalahan melanggar peruntukan yang ditetapkan pada peruntukan Seksyen 114 (1) boleh dikenakan denda dan penjara mengikut perbuatan. Kesalahan yang melanggar peraturan yang ditetapkan hukuman penjara tidak melebihi tempoh 5 tahun dan denda pula tidak melebihi 50 ribu ringgit atau kedua-duanya. Namun begitu, mahkamah boleh menjatuhkan hukuman penjara dan denda sehingga maksimum untuk memberi kesedaran betapa pentingnya harta warisan untuk negara dan masyarakat.

AGENSI PELAKSANAAN

Pada peringkat awal pihak pelaksana penguatkuasa dilaksana oleh Muzium Negara sehingga kepada penubuhan Jabatan Muzium. Pelaksanaan penguatkuasa diteruskan untuk memberi pemuliharaan dan perlindungan kepada warisan negara. Pada tahun 1993, Jabatan Muzium dikenali sebagai Jabatan Muzium dan Antikuiti. Hal ini selaras dengan penubuhan bahagian Antikuiti di negara ini. Pada tahun 2006, penstrukturran secara besar-besaran penukaran terhadap organisasi kepada Jabatan Muzium Malaysia (JMM). Penstrukturran dilakukan kesan daripada penubuhan bahagian warisan di Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan pada tahun 2004. Pada tahun 2008, Jabatan Muzium Malaysia berpindah ke Kementerian Penyiaran, Komunikasi dan Kebudayaan (KPKK), kemudian diletakkan semula

di Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan, kini dikenali Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya.

Akibat daripada penstrukturran tersebut telah berlaku perubahan yang ketara terutamanya bidang kuasa unit penguatkuasaan telah diperluaskan dalam usaha untuk memberi perlindungan pemuliharaan seperti diperuntukan dalam Akta Warisan Kebangsaan 2005 (Akta 645). Begitu juga jawatan ketua unit telah dipertanggungjawab kepada Kurator gred S41. Perubahan itu telah menyebabkan bidang kuasa unit penguatkuasaan telah memingku tugas pelaksanaan yang semakin berat dengan tanggungjawab yang diberikan. Unit penguatkuasaan kini tidak hanya bertanggungjawab mengikut peraturan-peraturan yang termaktub dalam Akta Warisan Kebangsaan 2005 (Akta 645). Sebaliknya perlu melihat kepada setiap akta dan undang-undang yang menjadi garis panduan seperti Akta Perlindungan Hidupan Liar 1972 (Akta 76), Akta Penyerahan Bahan Perpustakaan 1986, Akta Fi 1951 dan Perintah Fi (Muzium dan Pameran) (Jabatan Muzium Malaysia, 2012; Yuszaidy Mohd Yusoff, Hanapi Dollah & Ab Samad Kechot, 2013).

Kesungguhan pihak kerajaan telah melihat kepentingan perlindungan warisan perlu diberikan perhatian yang sewajarnya. Kerajaan telah mengambil tindakan yang sepatutnya apabila melihat kemampuan Jabatan Muzium Malaysia begitu beban dengan tugas dan tanggungjawabnya. Penubuhan sebuah agensi yang khusus dan sesuai dengan tanggungjawab serta bidang kuatkuasanya yang lebih luas berbanding dengan Jabatan Muzium Malaysia (Yuszaidy Mohd Yusoff, Hanapi Dollah dan Ab Samad Kechot, 2013). Sebelum tahun 2006, kerajaan telah membentuk satu bahagian khusus mengenai warisan di Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan yang bertanggungjawab memantau, menyelaras dan mengurus satu akta dan dasar yang telah diwartakan sebagai akta dan undang-undang negara (Norliza Rofli & Eddin Khoo, 2009). Bahagian warisan telah dijadikan satu Jabatan Warisan Negarapada tahun 2006 untuk merancang dan tindakan susulan untuk menjayakan akta dan dasar kerajaan untuk melindungi warisan negara seperti warisan budaya, warisan alam semula jadi dan warisan budaya di bawah air.

Operasi Jabatan Warisan Negara bermula dengan penubuhan tiga buah cawangan iaitu Cawangan Persuratan dan Adat, Cawangan Monumen dan Alam Semula jadi dan Cawangan Kawalan dan Sumber. Penubuhan cawangan adalah mengikut keperluan semasa dan situasi yang berlaku pada waktu itu. Keperluan semasa adalah penting untuk mengelakkan berlaku pertindihan bidang kuasa dan peranan tanggungjawabnya. Setiap cawangan mempunyai peranan dan berfungsi mengikut keperluan dan ketetapan yang telah dirancang. Struktur cawangan berubah pada tahun 2008 kepada bahagian-bahagian untuk memastikan bidang kuasa yang luas supaya dapat menyelesaikan perkara yang berkaitan dengan warisan. Pembentukan bahagian telah dilakukan iaitu Bahagian Pendaftaran dan Penguatkuasaan, Bahagian Warisan Tidak Ketara, Bahagian Konservasi dan Arkeologi, dan Bahagian Pentadbiran. Pembentukan kesemua bahagian memperkemaskan lagi operasi dan guna tenaga yang optimum dan berkesan. Penyusunan semula organisasi telah membantu Jabatan Warisan Negara dalam melaksanakan tugas terutamanya penguatkuasaan dengan lebih tegas.

Bahagian Pendaftaran dan Penguatkuasaan merupakan bahagian yang mengurus dan memantau bidang pewartaan dan penguatkuasaan. Bahagian Pendaftaran dan Penguatkuasaan mempunyai dua cawangan yang berfungsi seperti cawangan penyelidikan warisan ketara dan inventori serta cawangan pewartaan dan penguatkuasaan. Bahagian ini disokong oleh Bahagian Warisan Tidak Ketara yang terdiri tiga cawangan warisan budaya, warisan seni dan pengembangan dan pendidikan membantu dari segi memberi perkhidmatan perlindungan dan pemuliharaan terhadap warisan tidak ketara. Jabatan Warisan Negara perlu mendaftarkan

setiap khazanah negara bermilai dan bersejarah di dalam senarai Daftar Warisan dan Daftar Warisan Kebangsaan.

IMPLIKASI KAJIAN

Perundangan warisan yang ditunjang oleh Akta Warisan Kebangsaan 2005 (Akta 645) telah berjaya menghasilkan beberapa implikasi kepada warisan budaya dan masyarakat itu sendiri. Implikasi-implikasi yang diperolehi daripada perbincangan boleh membantu menyelesaikan mengenai masalah pemuliharaan dan perlindungan terhadap warisan budaya itu.

Pemuliharaan yang Sewajarnya

Warisan budaya ketara yang mendapat perhatian sewajar daripada pihak Jabatan Warisan Negara iaitu rumah kediaman Penghulu Abdul Ghani bin Abdul Majid. Rumah kediaman Penghulu Abdul Ghani bin Abdul Majid yang terletak di Merlimau, Melaka. Rumah kediaman Penghulu Abdul Ghani sebelum ini diuruskan dan dijaga Perbadanan Muzium Melaka (PERZIM) sebelum diserahkan kepada Jabatan Warisan Negara untuk tujuan pemuliharaan dan pemeliharaan daripada kerosakan teruk. Rumah kediaman Penghulu Abdul Ghani telah berapa kali diselenggarakan dan dibaiki oleh PERZIM dengan dibantu kepakaran daripada Jabatan Muzium dan Antikuiti. Kerjasama antara PERZIM dan Jabatan Muzium dan Antikuiti berdasarkan peruntukan Akta Harta Benda Purba 1978 (Akta 168) iaitu memulihara dan memelihara bangunan tradisional yang bersejarah dan bermilai daripada kerosakan. Namun begitu, kekurangan kepakaran dan kewangan telah menjasikan pengawasan dan pemantauan rumah tradisional yang mula mengalami kerosakan yang teruk sehingga diambil alih sepenuhnya daripada Jabatan Warisan Negara pada tahun 2008.

Rumah kediaman Penghulu Abdul Ghani turut telah diberikan perlindungan daripada pencerobohan, dimasuki atau dimusnahkan. Rumah kediaman ini telah tertakluk kepada Akta Warisan Kebangsaan 2005 (Akta 645). Akta Warisan Kebangsaan 2005 (Akta 645) telah jelas menyatakan perlindungan iaitu Seksyen 113 yang berkaitan dengan kesalahan berkenaan dengan objek warisan. Peruntukan Seksyen 113 seperti di bawah:

Mana-mana orang yang memusnahkan, merosakkan, mencacatkan, melupuskan atau mengubah sesuatu warisan kebudayaan ketara, ... dan boleh apabila disabitkan dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau kedua-duanya.

Manakala, warisan budaya tidak ketara sering mengalami kepupusan dan kehilangan sekiranya tidak diberikan perhatian atau perlindungan sewajarnya di peringkat awal lagi. Kerajaan telah melihat mengenai isu kepupusan dan kehilangan khazanah negara melalui bidang kuasa Jabatan Warisan Negara. Oleh itu, pihak Jabatan Warisan Negara telah berusaha memartabatkan warisan budaya tidak ketara yang berpotensi dan unik yang boleh diberikan perlindungan. Sejak penggubalan dan pewartaan Akta Warisan Kebangsaan 2005 (Akta 645) pada tahun 2005 telah banyak membantu perlindungan kepada warisan budaya tidak ketara terutamanya seni persembahan dan makanan tradisional.

Kejayaan paling besar dan penting sejak Akta Warisan Kebangsaan 2005 (Akta 645) diwartakan terhadap warisan budaya tidak ketara iaitu telah memberi pemuliharaan yang sewajarnya ke atas persembahan seni rakyat Makyung. Makyung telah didaftarkan dalam

senarai warisan kebangsaan kerana tradisi persesembahan ini berbeza dengan tradisi persesembahan rakyat yang lain di Malaysia. Jabatan Warisan Negara melalui bidang kuasa Pesuruhjaya Warisan telah merujuk kepada peruntukan Seksyen 49 untuk mengisytiharkan Makyung sebagai objek warisan budaya tidak ketara. Begitu juga, atas kepentingan yang amat bernilai kepada negara, pihak Jabatan Warisan Negara telah mencalonkan tradisi persesembahan Makyung untuk diisyiharkan sebagai warisan kebangsaan mengikut peruntukan Seksyen 67. Selain itu, Jabatan Warisan Negara turut berusaha mengangkat dan mempromosi persesembahan tradisi Mak yung di peringkat antarabangsa. Pada tahun 2005, secara rasmi persesembahan tradisi rakyat bagi negeri Kelantan iaitu persesembahan Makyung telah diterima dan mendapat pengiktirafan sebagai Warisan Dunia UNESCO.

Pembangunan Produk Pelancongan

Istana Bandar Jugra terkenal dengan seni bina pertukangan Melayu yang memaparkan binaan kecil di tengah bumbung yang dipanggil astaka dihiasi tunjuk langit dan papan cantik di burai bumbung melengkapi ciri pembinaan istana Melayu. Istana yang dibina oleh tukang-tukang Melayu yang mahir menghasilkan pengaliran udara yang baik dengan melakukan ukiran tebuk kerawang bersilang pada bahagian atas. Keunikan Istana Bandar Jugra dibina menggunakan kepakaran tukang-tukang Cina yang mahir menerapkan unsur-unsur seni ukiran dan motif rias pengaruh Cina. Istana Bandar Jugra telah berapa kali bertukar pemiliknya sehingga pihak Muzium Sultan Salahuddin telah mengambil tindakan untuk memulihara dan memelihara bangunan istana.

Pihak Muzium Sultan Salahuddin Shah telah melakukan kerja-kerja pemuliharaan dan pemeliharaan istana itu dengan kerjasama dengan Jabatan Warisan Negara. Projek pemuliharaan telah bermula pada tahun 2007 dengan kerja penyelidikan dan penelitian untuk menentukan keperluan untuk kerja-kerja pemuliharaan istana. Pada tahun 2007, Istana Bandar Jugra telah disenaraikan dalam daftar senarai warisan, bermakna istana itu perlu dipantau dan diselenggarakan baik untuk warisan tatapan generasi seterusnya. Jabatan Warisan Negara mendapati Istana Bandar Jugra berada dalam keadaan usang dan diabaikan tanpa penjagaan yang serius ke atas istana itu. Keadaan yang terabai dan usang menampakkan istana itu tidak diberikan perlindungan dan jagaan yang sesuai sebagai istana sultan. Usaha yang dilakukan Jabatan Warisan Negara telah berjaya meletakkan semula bangunan istana seperti keadaan sedia dahulu.

Kes pemuliharaan warisan budaya tidak ketara berpotensi untuk dijadikan produk pelancongan seperti adat-istiadat, kepercayaan, makanan dan permainan rakyat. Hal ini apabila dirujuk kepada Akta Warisan Kebangsaan 2005 (Akta 645). Akta itu menjelaskan keperluan untuk ada pemuliharaan terhadap warisan budaya tidak ketara supaya dalam keadaan kekal dan dilindungi sebagai khazanah negara. Peruntukan penuh mengenai Seksyen 60 (1) yang berkaitan pemuliharaan warisan budaya tidak ketara seperti berikut:

Seksyen 60; Pemuliharaan warisan budaya tidak ketara:

- (1) Pemunya atau penjaga objek warisan dalam bentuk suatu warisan budaya tidak ketara hendaklah mengambil segala langkah yang perlu untuk membangunkan, mengenal pasti, menghantar, menyebabkan dilaksanakan dan memudahkan penyelidikan ke atas warisan budaya tidak ketara itu mengikut garis panduan dan tatacara yang ditetapkan.

- (2) Pesuruhjaya boleh membuat apa-apa perkiraan dengan pemunya atau penjaga warisan budaya tidak ketara itu bagi pematuhan garis panduan dan tatacara yang ditetapkan.

Pemuliharaan warisan tidak ketara membabitkan adat-istiadat Melayu masih sentiasa dipraktikkan masyarakat Melayu iaitu sebelum kelahiran bayi. Amalan melenggang perut telah disenaraikan sebagai warisan kebangsaan. Ibu yang hamil bayi sulung dan amalan adat melenggang perut dijalankan mengikut apabila umur kandungan sudah cukup 7 bulan. Bidan menjalankan upacara adat melenggang perut secara ringkas. Bidan yang mengetuai upacara adat melenggang perut seorang berpengalaman dan pengetahuan mengenai perbidanan tradisional. Setelah 7 hari selepas kelahiran bayi, masyarakat Melayu mengadakan upacara adat cukur jambul atau rambut. Masyarakat Melayu mendiami di kampung atau di bandar masih mengamalkan upacara adat cukur jambul dengan mengadakan majlis kenduri. Majlis adat cukur jambul telah diserikan dengan nyanyian berzanji atau marhaban mengikut kemampuan pihak penganjur yang mengadakan majlis itu.

Warisan budaya tidak ketara yang lain telah diangkat dan menjadi produk pelancongan iaitu makanan. Malaysia antara syurga makanan kerana terdapat pelbagai jenis makanan dan bersifat eksotik. Kekayaan makanan kerana masyarakatnya yang majmuk menghasilkan pelbagai jenis masakan warisan yang bersifat kreatif dan penuh kesenian seperti teknik pembuatan, pembungkusan dan penyajian makanan. Ini sejajar dengan perkembangan teknologi makanan moden dan menjadi satu keperluan untuk mengangkatkan makanan tradisional ke peringkat sewajarnya. Kehidupan masyarakat harian yang rapat dengan persekitaran telah menimbulkan idea atau ilham dalam memperoleh sumber untuk menghasilkan teknologi makanan, penyajian dan pembungkusan seperti menggunakan daun-daun, pelelah-pelelah dan buluh. Secara tidak langsung telah membentuk satu ciri kebudayaan dan makanan tradisional dalam masyarakat. Makanan warisan juga tertakluk kepada peruntukan Seksyen 50 (1) iaitu permohonan bagi pendaftaran objek warisan, Seksyen 60 (1) yang berkaitan pemuliharaan warisan kebudayaan tidak ketara dan Seksyen 67 (1) pula berkaitan pengisytiharan warisan kebangsaan.

Kes Kekal untuk Pelancongan

Industri pelancongan semakin berkembang pesat di Malaysia dengan muncul pelbagai produk pelancongan dan budaya untuk menarik para pelancong. Penambahbaikan produk supaya dapat menghasilkan daya saingan dan kelihatan keunikan bagi menjadi produk yang membolehkan menjana pendapatan. Kerja-kerja ambil-alih dan pemuliharaan bangunan bersejarah oleh pihak kerajaan melalui Jabatan Warisan Negara telah menambahkan lagi produk pelancongan dan budaya untuk negara. Kerajaan melalui Jabatan Warisan Negara telah melihat keperluan pelbagai produk pelancongan dan budaya untuk menarik lebih ramai pelancong luar datang ke negara ini.

Jabatan Warisan Negara telah melihat kepentingan Balai Adat Kampung Putera Jelebu atas kepentingannya telah menyenaraikan sebagai khazanah negara yang bernilai yang berkaitan dengan sistem adat Minangkabau. Pada peringkat awal, bangunan Balai Adat merupakan tempat untuk mesyuarat keluarga dan juga aktiviti-aktiviti upacara membabitkan masyarakat setempat. Kelebihan bangunan Balai Adat juga digunakan sepenuhnya oleh masyarakat Orang Asli Jelebu seperti ruang balai dijalankan pelbagai aktiviti yang berkaitan

dengan keperluan hidup masyarakat Orang Asli seperti mesyuarat, upacara bertunang, akad nikah, bersanding dan aktiviti harian masyarakat. Jabatan Warisan Negara telah mengambil alih bangunan Balai Adat Kampung Putera Jelebu pada tahun 2006 untuk memuliharkan semula kerosakan bangunan Balai Adat.

Jabatan Warisan Negara menanggung kos mengurus melakukan kerja-kerja penelitian, penyelidikan dan membaiki kerosakan. Pihak Jabatan Warisan Negara telah menggunakan pakai peruntukan pada Seksyen 38 (1) (2) yang berkaitan dengan jagaan tapak warisan yang membenarkan melakukan kerja-kerja awal. Kerja-kerja awal seperti penelitian dan penyelidikan dilakukan setelah Pesuruhjaya Warisan berunding dengan Pihak Berkuasa Negeri dan memperoleh kebenaran daripada Pihak Berkuasa Negeri. Setelah pihak Jabatan Warisan Negara berpuas hati mengenai kedudukan bangunan Balai Adat mempunyai kaitan dengan nilai sejarah dan budaya negara, pihak jabatan telah memulakan kerja-kerja pulihara mengikut peruntukan yang ada pada subseksyen 2 iaitu persetujuan pihak pemilik dengan pengiraan di bawah perenggan 1 (a), pihak Pesuruhjaya juga boleh membuat sumbangan bagi kos kerja pembaikan, atau pemuliharaan yang difikirkan perlu.

Kesenian tradisional yang dikategorikan dalam warisan budaya tidak ketara terus diwarisi daripada seorang pengamal kepada seorang pengamal sehingga sudah tiada pengganti atau pengamal yang baru. Kesenian itu telah hampir kehilangan pengamal dan terus diabaikan tanpa pembelaan dan jagaan. Banyak kesenian tradisional telah mengalami masalah telah kehilangan tokoh-tokoh pengamal. Kesenian Wayang Kulit Kelantan sudah mengalami kemunduran kerana hampir tiada pengganti kepada tokoh sebelum itu selepas meninggalnya Tok Dalang Awang Hamzah Amat dan Tok Dalang Abdullah Baju Merah. Namun begitu masih terdapat pengamal-pengamal kini dalam usaha mencari tempat dalam bidang tersebut.

Begitu juga, ada di antara tokoh-tokoh itu telah dipilih dan diangkat oleh kerajaan melalui peruntukan Seksyen 67 (1) (6) yang berkaitan dengan pengisytiharan warisan kebangsaan iaitu mengangkat tokoh warisan orang hidup yang difikirkan sesuai dan memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan. Peruntukan subseksyen 6 yang terkandung dalam Seksyen 67 jelas menyatakan jika pengisytiharan di bawah subseksyen 1 melibatkan orang yang hidup, keizinan orang itu hendaklah diperoleh sebelum apa-apa pengisytiharan dibuat. Peruntukan Itu jelas menyatakan bidang kuasa Menteri untuk mengisytiharkan setelah memperoleh persetujuan sebelum itu mengisytiharkan sesuatu warisan. Begitu juga, pengisytiharan tokoh yang masih hidup dalam meneruskan tradisi dan kepakaran dalam bidang diceburi. Persetujuan mengisytiharkan tokoh-tokoh yang masih hidup dan masih dapat memberi sumbangan yang penting kepada negara.

KESIMPULAN

Keperluan perundangan untuk memulihara warisan budaya dalam konteks negara Malaysia masih baharu. Warisan budaya sebelum berlaku pertelingkahan antara negara berjiran dalam rumpun yang sama telah menyendari bertapa pentingnya warisan budaya itu kepada negara dan amnya masyarakat Malaysia. Warisan budaya itu adalah satu identiti bangsa dan maruah negara kerana berkait rapat dengan kehidupan dan perwatakan masyarakatnya. Warisan budaya mecerminkan daya atau tahap pemikiran masyarakat dalam usaha menghasilkan inovasi untuk kepentingannya. Warisan budaya itu menjelaskan mengenai bentuk tamadun peradaban satu bangsa dalam gemilangan kehidupannya. Negara Malaysia mula mengambil

satu tindakan yang sewajarnya untuk memberi perlindungan dari segi pemuliharaan supaya warisan budaya itu terus dinikmati, dihargai dan dilihat.

Sebelum ini, perundangan berkaitan warisan budaya sudah ada dan digunakan bagi pemuliharaan dan perlindungan. Perundangan yang sedia ada itu tidak begitu tegas dan tidak mampu untuk mengelakan berlaku sebarang tindakan yang boleh menjelaskannya. Tiada kemampuan kerana peruntukan yang sedia ada yang dimaktubkan kepada perundangan sedia ada tidak banyak dan lompong. Peruntukan-peruntukan yang ada lebih ke arah memberi kemudahan dan perlindungan daripada kerosakan dan kemusnahan tanpa pengutkuasaan yang tegas. Namun begitu, kebanyakannya perundangan yang sedia ada berlegar diperingkat kerajaan tempatan dan pihak berkuasa majlis bandaran itu mengambarkan terhadnya dan terbatasnya perundangan. Undang-undang yang dikuatkuasa itu tidak mempunyai bidangkuasa yang luas secara langsung juga pelaksanaannya amat terhad. Pada peringkat awalnya, pihak kerajaan berusaha mengatasikan masalah tersebut dengan mengubal perundangan yang khusus dengan warisan budaya, undang-undang itu juga mengalami keadaan yang sama disebabkan tidak komprehensif dan lengkap. Undang-undang yang digubal itu jelas tidak menyatakan mengenai pemuliharaan dan perlindungan terhadap warisan budaya tidak ketara sebaliknya memberi tumpuan pemuliharaan dan perlindungan yang lengkap kepada warisan budaya ketara.

Tekanan dan desakan daripada perubahan yang berlaku di peringkat antarabangsa terutamanya pertindahan dan pertelingkahan warisan budaya telah menjelaskan hubungan dan kerja sama antara semua pihak. Pertelingkahan mengenai perebutan warisan budaya boleh memberi impak yang teruk pada jangka masa panjang. Hubungan dan kerjasama negara-negara berjiran adalah penting untuk kestabilan dan kes sejahteraan serta keharmonian dalam kehidupan, ekonomi dan politik. Impak dari itu telah memberi kesedaran kepada kerajaan bertapa penting perlu mengubal satu perundangan yang baharu yang lebih komprehensif dan lengkap serta tegas. Pengubalan perundangan baharu telah memberi bidangkuasa yang lebih luas, tegas dan tanggungjawab yang lebih khusus. Pengubalan Akta Warisan Kebangsaan 2005 (Akta 645) telah memberi impak kepada negara terutamanya wujudnya jabatan yang khusus iaitu Jabatan Warisan Negara, bidangkuasa luas dan pelaksanaan tegas, warisan budaya penting dan bernilai, penambahbaikan warisan budaya, produk budaya dan mejana pendapatan negara.

RUJUKAN

- Azah Aziz. 2009. *Rupa dan Gaya: Busana Melayu*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Abdul Azizi Husin ed. 2011. *Pemuliharaan dan Pemeliharaan Warisan di Malaysia*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Abdul Taib Ahmad ed. 2012. *Utara Semenanjung Malaysia: Esei-esei Warisan*. 2012. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Badaruddin Mohamed. 2005. *Heritage Tourism Management in Japan*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Haziyah Hussin. 2009. *Motif Alam dalam Batik dan Songket Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ghulam Sarwar Yousof. 1992. *Panggung Semar: Aspects of Traditional Malay Theater*. Kuala Lumpur: Tempo Publishing.

- Ghulam Sarwar Yousof. 2004. *The Encyclopedia of Malaysia: Performing Arts*. Vol. 8. Kuala Lumpur: Didier Millet.
- Habibah Ahmad, Nur Farahin Zainuddin, Hamzah Jusoh, Amriah Buang, Er Ah Chony, Sri Winami Samair, Hazita Azman, Mastura Mahmud. 2014. Peranan media sosial Tripadvisor dalam mempromosikan Tapak Warisan Dunia Melaka. *Geografia Online Malaysian Journal of Society and Space* 10 issue 8 1:97-113
- Habibah Ahmad, Hamzah Jusoh, Mushhrifah Idris, Amriah Buang, Nur Amirah Kamarus Zaman, Sri Winami Samsir, Ahmad Nazrin Anuar. 2013. Permerkasaan asset semulajadi untuk kelestarian pelancongan di Negeri Pahang. *Geografia Online Malaysian Journal of Society and Space* 9 issue 3 :80-94
- Hua Ak. 2016. Sungai Melaka sebagai suatu daya tarikan pelancongan baru di Negeri Melaka: Satu ulasan kritis. *Geografia Online Malaysian Journal of Society and Space* 12 issue 1:108-117
- Hood Salleh. 2006. *The Encyclopedia of Malaysia: Peoples and Traditions*. Vol. 12. Singapore: Didier Millet.
- Malaysia.1976. *Akta Harta Benda Purba 1976 (Akta 168)*. Kuala Lumpur: Jabatan Penerbitan Negara.
- Malaysia. 1996. *Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172)*. Kuala Lumpur: Jabatan Penerbitan Negara.
- Malaysia. 1998. *Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171)*. Kuala Lumpur: Jabatan Penerbitan Negara.
- Malaysia. 2005. *Akta Warisan Kebangsaan 2005 (Akta 645)*. Kuala Lumpur: Jabatan Penerbitan Negara.
- Mohammed Anwar Omar Din ed. 2008. *Asas Kebudayaan dan Kesenian Melayu*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd. Taib Osman. 1989. *Masyarakat Melayu: Struktur, Organisasi dan Manifestasi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Yuszaidy Mohd Yusoff, Muammar Ghaddafi Bin Hanafiah. 2015. Akta Warisan Kebangsaan 2005 (Akta 645): penilaian dari aspek perundungan dan penguatkuasa, *Jurnal Melayu*, 202-223
- Mohd Yuszaidy Mohd Yusoff. 2015. *Undang-undang dan Akta Perlindungan Warisan Kebudayaan di Malaysia: Satu Analisi Perkembangnya*. Doktor Falsafah Tidak diterbit. Pusat Pengajian Bahasa, Kesusastraan dan Kebudayaan Melayu, Bangi
- Mohd Yuszaidy Mohd Yusoff, Hanapi Dollah, Ab Samad Kechot. 2013. Perlindungan harta warisan: Keberkesanan usaha pemuliharaan dan pemeliharaan dalam pembangunan negara, *Geografia Online Malaysian Journal of Society and Space*, 9(2):64-77
- Mohd. Yuszaidy Mohd. Yusoff, Hanapi Dollah dan Ab. Samad Kechot. 2011. Akta Warisan Kebangsaan 2005: Tinjauan Sepintas Lalu. *Jurnal Melayu* 8.
- Mohd. Yuszaidy Mohd. Yusoff. 2010. Pembangunan Warisan di Malaysia: Tinjauan Umum Tentang Dasar. *Jurnal Melayu* 5.
- Norliza Rofli dan Eddin Khoo pngr. 2009. *Kebudayaan Malaysia: Satu Pengenalan*. Kuala Lumpur: Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara.
- Siti Zainon Ismail. 2009. *Pakaian Cara Melayu*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zainal Abidin Borhan, Zainal Kling, Norazit Selat dan Mohd Ramli Raman. 1996. *Adat Istiadat Melayu Melaka*. Melaka: Institut Kajian Sejarah dan Patriotisme Malaysia.

Biodata Penulis:

Mohd Yuszaidy Mohd Yusoff

Penulis merupakan pensyarah kanan di Pusat Kelestarian Warisan dan Kebitaraan Melayu, FSSK, UKM. Sekarang bertugas sebagai Ketua Program Persuratan Melayu, Sekreteriat Prasiswazah, FSSK, UKM. Kepakaran beliau adalah dalam bidang kebudayaan Melayu dengan menumpu kepada kajian sosio-budaya, warisan budaya dan pemuziuman.